

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN KOPERATIF GURU PENDIDIKAN
ISLAM DAERAH JASIN**

Raja Shah Rezal Raja Azhar¹ & *Mohd Syaubari Othman¹

ABSTRACT

This study was conducted to examine the level of knowledge and the level of implementation of cooperative learning among Islamic Education teachers in Jasin District, as well as to identify the relationship between the level of knowledge and the level of implementation of cooperative learning among Islamic Education teachers in Jasin District. This survey study employed a questionnaire involving a sample of 97 Islamic Education teachers in Jasin District, Melaka. Data analysis was conducted using SPSS 21.0 software, involving descriptive analysis (percentage, mean, and standard deviation) and inferential analysis (Pearson Correlation). The results of the pilot study based on Cronbach's Alpha analysis for each construct indicated that the reliability level was 0.8. The findings revealed that the level of knowledge of cooperative learning was high. Meanwhile, the level of implementation of cooperative learning was also high. Furthermore, the results of the Pearson Correlation analysis showed a positive relationship between the level of knowledge and the level of implementation of cooperative learning among Islamic Education teachers in Jasin District. The implications of this study may guide the Islamic Education Unit of the Jasin District Education Office (PPD Jasin) to place greater emphasis on applying cooperative methods in teaching sessions with Islamic Education teachers.

Keywords: *Cooperative learning, knowledge, implementation, Islamic Education teachers, Jasin District.*

[1]
Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
syaubari@fpm.upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Abad ke 21 ialah menunjukkan kepada era moden yang membangun dan berkembang kepada setiap aspek di dunia ini. Perubahan dan perkembangan dalam pelbagai disiplin ilmu menuntut kita melakukan perubahan dan pengubahsuaian agar dapat bergerak seiring dengan perubahan dunia. Begitu juga dengan sistem pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 yang perlu menyediakan dan membekalkan pelajar yang bukan sahaja dengan ilmu akademik tetapi juga dengan ilmu-ilmu yang melengkap konsep yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Malaysia iaitu jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Kemahiran Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Berry (2011) menghuraikan PAK21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan/penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Murid diharap dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik. Murid perlu disediakan dengan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu. Semua mata pelajaran perlu menekankan ciri pengajaran dan pembelajaran abad 21 termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), kemahiran abad ke-21 adalah amat dititikberatkan bagi memenuhi harapan ibu bapa dan kehendak majikan terhadap generasi muda, dengan berteraskan elemen-elemen abad-21 yang sering dilaung-laungkan iaitu: kreativiti dan inovasi; komunikasi dan kolaboratif; literasi maklumat; literasi media; literasi teknologi, maklumat dan komunikasi; fleksibiliti dan mempunyai keupayaan menyesuaikan diri; berinisiatif dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara budaya; produktiviti dan akauntabiliti; dan yang terakhir kepimpinan dan tanggungjawab.

Dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam, menurut Taat (2011) penekanan kepada unsur kreativiti pengajaran kurang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam sehingga menyebabkan kelemahan penyampaian proses pengajaran guru Pendidikan Islam di bilik darjah. Hal ini turut disokong oleh kajian Tamuri et al. (2007) yang menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam gemar melaksanakan pengajaran yang bersifat sehala iaitu berpusatkan guru, hafalan dan syarahan sehingga murid kurang berminat mempelajarinya dan menganggapnya sukar.

Tambahan lagi, amalan kreativiti dalam pembelajaran Pendidikan Islam juga dapat mewujudkan daya tarikan, minat pelajar untuk memberikan tumpuan, penglibatan dan perhatian mereka terhadap proses PdP. Hal ini kerana, menurut Tamuri et al. (2004) sekiranya perkara berkaitan kreativiti pembelajaran tidak diberi penekanan yang sewajarnya, guru Pendidikan Islam akan terus lemah dan kurang kreatif dalam menggunakan pelbagai metodologi untuk menarik minat pelajar. Bersandaran dengan itu, kelemahan ini adalah disebabkan kurang kefahaman dan pengamalan kreativiti dalam pengajaran.

Selain itu, kefahaman tentang kreativiti membantu guru lebih kreatif untuk mencapai keberkesanan pengajaran yang sukar dicapai. Yasin (2010) yang menyatakan bahawa penekanan kepada amalan kreativiti pengajaran bukan sahaja dapat mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran baharu tetapi membantu guru memudahkan proses pengajaran dengan berkesan.

Sehubungan itu, menurut penilaian Ismail dan Awang (2004), mereka menyatakan guru masih kurang mahir mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif walaupun telah melalui kursus-kursus dalaman atau anjuran KPM, JPN, dan PPD.

Perkara ini turut disokong oleh Tan (2007), yang mengatakan sekolah di Malaysia masih berada di takuk lama kerana tahap penguasaan guru terhadap pembelajaran koperatif dan tahap keyakinan guru untuk melaksanakan pembelajaran dan pembelajaran koperatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran masih rendah.

Walaupun aspek kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam diberikan perhatian untuk merealisasikan matlamat kurikulum yang didasarkan dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, namun penyelidikan secara mendalam yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif perlu dilakukan. Berdasarkan pencarian, pembacaan terhadap literatur dan tinjauan penyelidik mendapati bahawa penulisan dan kajian yang dilakukan berkaitan Pendidikan Islam di negara ini belum menyentuh secara khusus tentang kaedah pembelajaran koperatif di sekolah rendah.

Oleh yang demikian kajian ini perlu dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam di dalam Daerah Jasin bagi mengkaji dan mengenal pasti pembelajaran koperatif yang berfokuskan persoalan tahap pengetahuan dan pelaksanaan pembelajaran koperatif serta hubungannya.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin.
2. Mengetahui tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin.
3. Menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin.

SOROTAN LITERATUR

Daripada analisis yang dibuat oleh Morad et al. (2006), pembelajaran secara koperatif dapat memperluaskan skop penilaian kreativiti pelajar. Berdasarkan kajian beliau, menunjukkan guru mencapai interpretasi tinggi dalam mengetahui dan melaksanakan pembelajaran koperatif. Dalam kemahiran belajar secara interpersonal, penilaian hanya dibuat oleh satu pihak sahaja. Manakala penilaian dalam pembelajaran secara koperatif dilakukan bersama semua pihak iaitu guru atau pembimbing serta ahli pasukan yang lain. Setiap ahli pasukan saling bertindak balas dan secara tidak langsung semua ahli dalam pasukan dapat menyumbangkan idea.

Hal ini turut disokong oleh Ismail et al. (2004), pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran ternyata dapat mendorong membina keyakinan dan pemikiran yang mendalam di kalangan pelajar. Ia juga mendorong pelajar untuk berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru semata-mata. Dalam kajian beliau, guru yang berpengalaman tentang pembelajaran koperatif mencapai interpretasi yang tinggi. Namun, pelaksanaan bagi guru Pendidikan Islam berada di tahap yang sederhana. Menurut kajian Abdullah Ishak (2001), kajian ini mendapati bahawa sebanyak 64% guru Pendidikan Islam sering menggunakan kaedah kuliah semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan dan hubungan antara kefahaman dan amalan koperatif.

Tan (2007) mengatakan pelaksanaan pembelajaran koperatif yang berkesan seharusnya menitikberatkan pengetahuan dan kemahiran seorang guru. Dalam hal ini, latihan dan perkembangan profesional yang berterusan sangat diperlukan oleh guru, serta kolaborasi antara guru, perlu digalakkan dengan mengadakan pertemuan rutin baik formal mahupun tidak formal. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa wujud perbezaan dan hubungan antara kefahaman dan amalan koperatif, pengetahuan gurudi tahap yang tinggi tetapi mereka kurang yakin dalam melaksanakannya.

Seterusnya menurut Luqman (2019), pembelajaran koperatif digunakan oleh kumpulan-kumpulan kecil supaya murid dapat bekerja bersama-sama untuk memaksimumkan pembelajaran. Hal ini kerana, dalam sesebuah kumpulan, pemilihan murid adalah berdasarkan kemahiran dan kebolehan mereka ataupun menggabungkan murid-murid yang lemah supaya murid berpotensi ini dapat membantu murid yang lemah. Berdasarkan kajian beliau, pengetahuan dan pelaksanaan guru Pendidikan Islam mencapai min yang tinggi, tetapi tidak terdapat hubungan antara dua pembolehubah tersebut.

Tambahan lagi, kajian yang dilakukan oleh Yahaya et al. (2007) di tiga buah sekolah Teknik di Selangor, beliau mendapati bahawa guru mata pelajaran Teknik dan vokasional kurang melaksanakan pembelajaran koperatif

kerana terdapat faktor kekangan masa dan sikap pelajar mereka di bilik darjah. Hal ini menunjukkan tahap amalan guru yang masih lemah dalam menggunakan kaedah koperatif. Selain itu, terdapat juga kajian Taslim dan Hidayah (2012) yang menyatakan tentang keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Matematik.

Berdasarkan kajian Taslim dan Hidayah (2012), persepsi guru matematik di sekolah yang di kaji menunjukkan guru-guru mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang pembelajaran koperatif. Ia juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif terhadap penguasaan dan keyakinan guru melaksanakannya. Begitu juga dengan kajian, Abd. Rahim (2010) yang menunjukkan bahawa pengetahuan guruberada di tahap yang tinggi.

Kemudian, kajian dari Muniandy et al. (2010) yang menyatakan pembelajaran dalam berkumpulan sangatlah penting untuk meningkatkan kemahiran sosial dan interaksi seseorang dalam kumpulan. Dalam kajian beliau, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pencapaian akademik pelajar dengan kecenderungan pembelajaran koperatif.

Pengetahuan Pembelajaran Koperatif

Pengetahuan pembelajaran koperatif ini ialah pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Koperatif ini mempunyai konsepnya dan pengertiannya. pembelajaran koperatif boleh didefinisikan sebagai pendekatan di mana pelajar dari semua peringkat pencapaian bekerjasama dalam kumpulan untuk mencapai matlamat bersama (Shaari, 2011).

Manakala menurut Slavin (2012), pembelajaran koperatif merujuk kepada kaedah instruksional di mana guru perlu membentuk pelajar kepada kumpulan kecil untuk bekerja bersama-sama dalam membantu satu sama lain mempelajari kandungan pelajaran. Hal ini selari dengan Hashim (2001) yang menyatakan bahawa koperatif ialah satu persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah di mana pelajar dari kumpulan yang berkebolehan berlainan (*heterogenous*) atau berkebolehan sama (*homogeneous*) bekerjasama dalam kumpulan kecil ke arah pencapaian objektif dan matlamat instruksi yang sama.

Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif

Pelaksanaan pembelajaran koperatif ini menerangkan tentang cara atau kaedah terperinci berkenaan melaksanakan pembelajaran koperatif ini dalam bilik darjah. Pelaksanaan pembelajaran koperatif ini ialah pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Bagi memperincikan pemboleh ubah tidak bersandar ini, dibahagikan mengikut konstruk atau elemen yang bertepatan iaitu pergantungan positif, penanggungjawab individu dan pemprosesan kumpulan.

Pergantungan Positif. Setiap pelajar dalam kumpulan yang sama mempunyai peranan masing-masing dalam kerja berkumpulan. Ahli kumpulan bergantung kepada satu sama lain dalam kumpulan tersebut untuk mencapai suatu matlamat. Setiap usaha ahli dalam kumpulan diperlukan bagi menjamin kumpulan tersebut berjaya. Pelajar akan bekerja bersama-sama dalam kumpulan yang kecil untuk memaksimumkan pembelajaran mereka, berkongsi bahan, memberi sokongan dan menyambut kejayaan bersama. Dalam memperkukuhkan kebergantungan positif ini, jumlah ganjaran yang diperoleh oleh semua ahli kumpulan, pembahagian mencari maklumat untuk tugas dan peranan ahli kumpulan sebagai pendorong satu sama lain perlu diberi penekanan. Pada masa yang sama, pelajar perlu memahami identiti sosial rakan sekelas dan menghormati mereka sebagai rakan kolaborasi. (Mohd Fadzli Ali, 2011).

Penanggungjawab Kendiri. Sikap bertanggungjawab kepada seseorang atau terhadap sesuatu tindakan perlu ada dalam diri pelajar untuk menyebarkan maklumat kepada rakan dan menguasai semua perkara yang perlu dipelajari bagi menjamin kejayaan sesuatu kumpulan. Setiap kumpulan perlu mengetahui ahli yang memerlukan lebih bantuan, sokongan dan galakan dalam menyiapkan sesuatu tugas. Antara kaedah bagi membina akauntabiliti individu termasuklah memberikan ujian kepada setiap pelajar, memilih secara rawak hasil kerja pelajar untuk dibentangkan kepada kumpulan yang lain atau meminta pelajar menerangkan semula perkara yang telah mereka belajar kepada seluruh kelas. (Abdullah Ishak, 2001).

Pemprosesan Kumpulan. Proses berkumpul ini berlaku apabila ahli kumpulan berbincang sejauh mana cara mereka mencapai matlamat dan mengekalkan kerja berkumpul. Mereka perlu berbincang mengenai tindakan yang ahli kumpulan telah lakukan sama ada membantu atau tidak dan mengenalpasti perubahan yang perlu dilakukan supaya ia lebih efektif pada masa akan datang. Pelajar juga diberikan masa dan prosedur untuk menganalisis pembelajaran secara berkumpul sama ada berfungsi sebaiknya atau tidak. Kemahiran sosial pelajar diperlukan dalam memastikan hubungan belajar yang efektif antara ahli dalam kumpulan. Sejajar dengan usaha untuk menghasilkan pembelajaran koperatif yang berkesan, guru juga perlu memahami prinsip dan elemen asasnya dalam menerapkan pembelajaran koperatif dalam PdP (Johnson & Johnson, 1999).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Dalam konteks kajian ini, kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan secara kuantitatif. Menurut Kasiram (2008), kuantitatif adalah kaedah penelitian yang menggunakan proses data-data yang berupa angka sebagai alat menganalisis dan melakukan kajian penelitian, terutama mengenai apa yang sudah diteliti. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui sesuatu isu, masalah dan fenomena dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, tingkah laku dan persepsi.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan secara soal selidik sebagai instrumen utama dalam pemerolehan data dari subjek kajian dan dapatan akan diinterpretasikan secara deskriptif dan inversi. Melalui cara ini pengkaji akan mendapat hasil secara kuantitatif dengan mudah. Menurut Mohd Majid Konting (1998), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya. Ia juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek dan tidak dipengaruhi oleh personaliti atau tingkah laku penyelidik. Tambahan lagi, subjek juga terasa dirinya selamat untuk memberikan jawapan yang tepat dan benar.

Selain itu, kajian tinjauan ini boleh digunakan untuk meninjau hubungan antara pemboleh ubah (Noraini, 2010). Memandangkan kajian ini ingin melihat hubungan di antara tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif guru Pendidikan Islam. Dapatan dari soal selidik yang ditadbir oleh pengkaji ke atas sampel akan menjelaskan fenomena yang berlaku dalam populasi yang dikaji. Kajian ini melibatkan kajian korelasi iaitu melihat perhubungan signifikan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain dengan menggunakan ujian statistik korelasi. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat perhubungan di antara tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin.

Penyelidik mengkaji teknik persampelan dan kaedah penetapan saiz sampel yang bersesuaian dengan kajian ini. Menurut McMillan dan Shumacer (1984), sampel adalah kumpulan subjek yang terdiri daripada individu yang dipilih daripada sekumpulan pelajar yang dikenali sebagai populasi. Manakala menurut Fink (1995), sampel adalah satu bahagian atau subset kumpulan yang besar yang disebut populasi manakala populasi adalah keseluruhan yang disampelkan. Namun begitu, berbeza pula dengan pendapat Mohd Majid Konting (1990) yang mengatakan saiz sampel kurang penting. Apa yang penting ialah saiz sampel yang diambil dapat mewakili populasi.

Jumlah guru Pendidikan Islam daerah Jasin seramai 130 orang. Pengkaji telah memilih guru Pendidikan Islam kesemua 97 orang sebagai sampel berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian seperti Jadual 3.1 (Krejcie & Morgan, 1970, pp. 607–610).

Jadual 1: Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Total	Sample
10	10

15	14
20	19
25	24
30	28
35	32
40	36
45	40
50	44
55	48
60	52
65	56
70	59
75	63
80	66
85	70
90	73
95	76
100	80
110	86
120	92
130	97

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan telah dikumpul melalui borang soal selidik untuk mendapatkan data-data kajian. Ia digunakan untuk memperoleh data kuantitatif. Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen yang banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Pengkaji menggunakan sampel kajian ini terhadap guru Pendidikan Islam di daerah Jasin. Muhamad Fahmi Abd Jalil (2012) menyatakan kajian berbentuk soal selidik merupakan salah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan pengkaji. Hal ini disebabkan soal selidik merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah.

Tambahan pula, segala maklumat yang berkaitan dengan responden akan dirahsiakan oleh pengkaji yang membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa. Pembinaan borang soal selidik ini telah dirujuk dan diubah suai dari soal selidik Husba Khairi yang mengkaji tentang pelaksanaan pembelajaran

kolaboratif dalam pengajaran Pendidikan Islam di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Pengkaji kemudiannya telah mengubah suai soalan tersebut untuk disesuaikan dengan tajuk kajian.

Pembinaan item-item dalam instrumen kajian meliputi semua konstruk dan sub konstruk dalam pemboleh ubah yang ingin diukur oleh pengkaji. Hal ini berdasarkan Ananda Kumar (2009) yang menyatakan perkara yang perlu diambil kira dalam membina soal selidik perlu mengukur kesemua pemboleh ubah kajian, konstruk yang ditentukan dan data-data boleh dianalisis dengan statistik yang bersesuaian. Pembinaan item dalam soal selidik ini juga mendapat kesahan pakar dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan kajian rintis yang dilakukan. Oleh itu, instrumen ini amat sesuai digunakan untuk mendapatkan datadata bagi menjawab persoalan kajian.

Seperti yang dinyatakan dalam lampiran, struktur soal selidik terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A terdiri daripada soalan berkaitan dengan demografi guru pelatih, iaitu jantina dan kelas responden, bahagian B berkenaan pengetahuan pembelajaran koperatif, dan bahagian C pula mengandungi soalan berkaitan pelaksanaan pembelajaran koperatif. Bagi bahagian B, responden diberi jawapan mengikut skala Likert yang bermula dengan nilai yang terendah kepada nilai yang tertinggi iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Sederhana Setuju (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Manakala bahagian C pula pilihan jawapan responden ialah Tidak Pernah (1), Jarang (2), Kadang- Kala (3), Kerap (4) dan Sangat Kerap (5).

Jadual 1.2: Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Konstruk yang Diukur	Bil. Item	Item
Bahagian A	Latar belakang responden	3 item	1-2
Bahagian B	Tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam	10 item	B1-B10
Bahagian C	Tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam	17 item	C11-C20

Bahagian A. Bahagian ini berkaitan dengan demografi guru yang bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang pelajar secara umum seperti jantina, dan kelas. Soalan di bahagian ini akan menjawab persoalan kajian mengenal kekerapan bagi setiap latar belakang responden.

Bahagian B. Bahagian ini berkaitan dengan pengetahuan pembelajaran koperatif yang bertujuan untuk menjawab persoalan kajian bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin. Item-item soal selidik dalam bahagian ini mengandungi 10 item.

Bahagian C. Bahagian ini berkaitan dengan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif guru Pendidikan Islam. Tujuan soal selidik di bahagian ini untuk menjawab persoalan kajian untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Daerah Jasin. Item-item soal selidik bahagian ini sebanyak 10 item yang dibina berdasarkan kepada 3 konstruk iaitu pergantungan positif, penanggungjawab sendiri dan pemprosesan. Taburan item soal selidik mengikut konstruk melalui Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3: *Taburan Item Soal Selidik Bahagian C*

No	Konstruk	No item
1	Pergantungan positif	1,2
2	Penanggungjawab sendiri	3,4
3	Pemprosesan kumpulan	5,6,7,8

Dalam konteks kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk melihat secara menyeluruh tentang demografi responden dari segi jantina. Selain itu, analisis deskriptif juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu dan dua iaitu yang berkaitan dengan tahap tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif guru Pendidikan Islam Daerah Jasin. Oleh itu, untuk mengukur tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Bagi menentukan tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif, interpretasi dibuat berdasarkan jadual pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman dan Turiman (1999) dan mengikut rumusan yang disarankan oleh Nunally (1978) seperti jadual 3.5 :

Jadual 4: *Interpretasi Skala Min*

Nilai Min	Tafsiran
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01 -4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Setiap min jawapan akan yang termasuk dalam skala nilai 1.00 hingga 2.00 dinyatakan sebagai rendah. Min yang termasuk dalam nilai 2.01 hingga 3.00 dikategorikan sebagai sederhana rendah dan min yang termasuk dalam nilai 3.01 hingga 4.00 dikategorikan sebagai sederhana tinggi. Manakala min yang termasuk dalam nilai 4.01 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah tahap pengetahuan pembelajaran koperatif guru pendidikan Islam di Daerah Jasin, pengkaji telah menjalankan analisis deskriptif berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. Jadual di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai tahap pengetahuan secara keseluruhannya.

Jadual 5: *Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan*

Konstruk	N	Mean	Sisihan Piawai
Pengetahuan	97	4.00825	.308109

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan pembelajaran koperatif berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.01 dan sisihan piawai = 0.31. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru sangat bagus tentang pembelajaran koperatif. Tahap pengetahuan yang tinggi ini dapat dilihat melalui jawapan yang diberikan oleh responden. Semua item daripada konstruk pengetahuan

yang mendapat nilai skor min yang sama dan melebihi keseluruhan (min >4.01). Setiap item dalam konstruk tahap pengetahuan ini mendapat skor min yang berinterpretasi tinggi. Hasil dapatan kajian dapat dijelaskan secara terperinci melalui jadual 6.

Jadual 6: Hasil Analisis Deskriptif Item Pengetahuan Pembelajaran Koperatif

No	Item	Kekerapan & Peratus					Skor Min	Sisihan piawai	Interpretasi
		STS	TS	SDS	S	SS			
B1	Menarik								
	kecenderungan	3	40	54					
	0	0	4.53	0.56	T				
	minat murid	(3.1%)	(41.2%)	(55.7%)	belajar.				
B2	Menggalakkan								
	murid berfikir.	0	0	4	39	54	4.52	0.58	T
				(4.1%)	(40.2%)	(55.7%)			
B3	Meningkatkan suasana								
	seronok murid untuk belajar.	0	0	4	40	53	4.52	0.58	T
				(4.1%)	(41.2%)	(54.6%)			
B4	Meningkatkan penglibatan aktif murid								
	semasa aktiviti berkumpul	0	0	4	41	52	4.49	0.60	T
				(4.1%)	(42.3%)	(53.6%)			
B5	Menambah penglibatan								
	individu secara khusus dalam aktiviti kumpulan	0	0	6	48	43	4.38	0.65	T
				(6.2%)	(49.5%)	(44.3%)			

B6	Membantu penjaanan									
	idea untuk menjawab soalan	0	0	9	42	46	4.38	0.65	T	
				(9.3%)	(43.3%)	(47.4%)				
B7	Mewujudkan murid bekerjasama									
	ketika berinteraksi sesama mereka	0	0	8	38	51	4.44	0.52	T	
				(8.2%)	(39.2%)	(52.6%)				
B8	Melaksanakan pengajaran	0	0	1	40	56	4.57	0.62	T	
				(1.0%)	(41.2%)	(57.7%)				
B9	Menjadikan guru sebagai pemudah cara ketika melaksanakan aktiviti berkumpulan									
		0	0	7	46	44	4.38	0.70	T	
				(7.2%)	(47.4%)	(45.4%)				

B10

Dijalankan
secara
berterusan
dalam sesi
pengajaran dan
pembelajaran
di bilik darjah

		14	43	40			
	0	0	(14.4%)	(44.3%)	(41.2%)	4.27	0.65 T

KESELURUHAN TAHAP PENGETAHUAN**4.01 0.31 Tinggi**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, apakah tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin. Pengkaji telah menjalankan analisis deskriptif berdasarkan kekerapan, peratus, nilai min dan sisihan piawai. Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan tahap pelaksanaan kepada dua bahagian iaitu hasil dapatan tahap pelaksanaan secara keseluruhan dan juga mengikut tiga konstruk pelaksanaan iaitu pergantungan positif, penanggungjawab sendiri dan pemprosesan kumpulan. Jadual 7 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai tahap pengetahuan secara keseluruhannya.

Jadual 7: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pelaksanaan

Konstruk	N	Mean	Sisihan Piawai
Pelaksanaan	97	4.34742	.376689

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.35 dan sisihan piawai = 0.38. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan guru sangat bagus tentang melaksanakan pembelajaran koperatif ketika praktikum di sekolah. Tahap pelaksanaan yang tinggi ini dapat dilihat melalui jawapan yang diberikan oleh responden. Semua item daripada konstruk pelaksanaan yang mendapat nilai skor min yang sama dan melebihi keseluruhan (min >4.35). Setiap item dalam konstruk tahap pelaksanaan ini mendapat skor min yang berinterpretasi tinggi. Nilai min ini tinggi, sama dengan tahap pengetahuan, hal ini menunjukkan bahawa guru terdorong melaksanakan pembelajaran koperatif dengan mempunyai pengetahuan tentang koperatif.

Secara keseluruhannya tahap pelaksanaan menunjukkan interpretasi yang tinggi dengan nilai min = 4.35, sisihan piawai = 0.38. Secara rumusannya, item konstruk bagi tahap pelaksanaan menunjukkan terdapat tiga konstruk yang memperoleh tahap yang tinggi iaitu konstruk pergantungan positif dengan nilai min = 4.38, sisihan piawai = 0.63, diikuti dengan konstruk penanggungjawab sendiri dengan nilai min = 4.29, sisihan piawai = 0.67, dan konstruk pemprosesan kumpulan dengan nilai min = 4.37, sisihan piawai = 0.64. Jadual 8 di bawah menunjukkan rumusan tahap pelaksanaan berdasarkan konstruk.

Jadual 8: Hasil Analisis Deskriptif Konstruk Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif

No	Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Pergantungan Positif	4.38	0.63	T
2	Penanggungjawab Kendiri	4.29	0.67	T
3	Pemprosesan Kumpulan	4.37	0.64	T
Min Keseluruhan		4.35	0.38	Tinggi

Bagi menjawab persoalan kajian ketiga dan menguji hipotesis alternatif (Ha1) berikut:

PK 3: Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Ha 1: Terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Analisis Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan pembelajaran koperatif terhadap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Jasin. Jadual 9 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperolehi dari hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif adalah $r = 0.56$, $P = 0.00$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang sederhana. Maka hipotesis alternatif 1 kajian adalah diterima.

Jadual 9: Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif

Pekali Korelasi	Tahap	Interpretasi
Konstruk	Signifikan	Kekuatan Hubungan
Pearson (r)		
Tahap pengetahuan dan Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Guru Pendidikan Islam Daerah Jasin	0.00	Sederhana
	0.568	

Keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dan tahap pelaksanaan Guru Pendidikan Islam Daerah Jasin. Keduanya berhubung secara positif manakala kekuatan hubungan berada pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan pembelajaran koperatif mempunyai hubungan secara langsung terhadap tahap pelaksanaan iaitu semakin tinggi tahap pengetahuan seseorang mengenai pembelajarankoperatif semakin tinggi tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif mereka. Dengan itu, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran akan lebih berhasil dan mencapai objektif pembelajaran.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Pembelajaran Koperatif Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin

Secara perbincangannya, dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin berpengetahuan tentang pembelajaran koperatif dengan baik. Hal ini kerana skor min secara keseluruhannya tinggi. Ini juga mendapati kesemua responden faham dengan baik soal seidik dan tahu berkenaan kaedah dan pembelajaran koperatif secara langsung atau tidak langsung.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Morad (2006). Berdasarkan kajian beliau, pengetahuan terhadap kaedah koperatif oleh guru mata pelajaran Fizik didapati skor min yang tinggi. Kajian ini selari bersama kajian pengkaji yang menunjukkan interpretasi yang tinggi bagi konstruk pengetahuan koperatif dalam kalangan guru atau pengajar.

Kemudian, kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Ismail et al. (2004). Berdasarkan kajian beliau, bahawa penilaian terhadap guru Pendidikan Islam di sebuah sekolah di Langkawi menunjukkan guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan yang baik dan berada di tahap yang tinggi. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Tan (2007) mengatakan bahawa gurumata pelajaran matematik di UTM berpengetahuan yang tinggi terhadap kaedah koperatif.

Walau bagaimanapun, kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Abd. Rahim (2010). Berdasarkan kajian beliau, gurumata pelajaran Kemahiran Hidup di UTM kurang pengetahuan tentang pembelajaran dan kaedah koperatif ini kerana skor min dari kajian beliau hanya interpretasi sederhana bercanggah kerana kajian pengkaji mendapati guru Pendidikan Islam berpengetahuan tentang kaedah koperatif dengan tahap yang tinggi.

Ini disokong menerusi kajian oleh Hamm dan Adam (1994) dalam Shahzalina (2002) menyatakan pembelajaran aktif dapat meningkatkan kaedah penyelesaian masalah yang berlainan daripada kaedah penyelesaian biasa melalui pembelajaran lain. Ia dapat membangkitkan kesediaan mental pelajar dan ini diperolehi melalui proses mendengar yang positif.

Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin

Secara perbincangannya, semua guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin berada dalam aras tinggi dan ini jelas menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin terhadap pembelajaran koperatif adalah tinggi berdasarkan dapatan kajian tahap skor min.

Berdasarkan kajian Morad (2006) yang mendapat skor min tinggi untuk pelaksanaan kaedah koperatif bagi gurumata pelajaran Fizik, maka dengan itu kajian ini selari dengan kajian pengkaji. Tambahan pula, kajian ini selari dengan kajian Taslim dan Hidayah (2012) yang menunjukkan bahawa persepsi guru matematik yang melaksanakan pembelajaran koperatif ini dengan baik. Berdasarkan dapatan beliau, menunjukkan bahawa interpretasi pelaksanaan adalah tinggi. Ini menunjukkan kajian ini selari dengan kajian oleh pengkaji.

Namun, terdapat juga kajian yang bercanggah dengan hasil kajian pengkaji. Dapatan kajian Yahaya et al. (2007) tidak selari dengan dapat kajian pengkaji. Hal ini kerana dapatan kajiannya mendapat skor min yang rendah untuk pelaksanaan koperatif. Dengan itu, ia memang sangat tidak selari dengan kajian pengkaji yang mendapati skor min yang tinggi untuk pelaksanaan. Secara langsung menunjukkan bahawa guru selalu menggunakan pelaksanaan pembelajaran koperatif.

Kajian yang seterusnya ialah kajian dari Ismail (2004) yang tidak selari dan bercanggah dengan dapatan kajian di atas. Menurut beliau, guru pendidikan Islam kurang mahir dalam mengenal konsep koperatif dan kurang melaksanakan kaedah koperatif. Berdasarkan kajian beliau, amalan kaedah koperatif berada di tahap sederhana.

Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin

Berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini selari dengan Taslim dan Hidayah (2012) yang mendapati tahap penguasaan guru mempunyai hubungan secara langsung dengan tahap keyakinan untuk melaksanakan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Dalam kajian tersebut, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah yang disediakan.

Begitu juga dengan kajian yang ditulis oleh Muniandy et al. (2010), dapatan kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik dengan kecenderungan pembelajaran koperatif. Dengan melaksanakan kaedah koperatif dalam sesi Pdp, pencapaian akademik akan turut serta meningkat dengan baik.

Walau bagaimanapun kajian Luqman (2019) adalah bertentangan dan tidak selari dengan kajian ini di mana hasil kajiannya mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Menurutnya, guru Pendidikan Islam yang ditinjau di sekolah tersebut seringkali menggunakan kaedah pengajaran tradisional.

Antara faktor hubungan korelasi ini berjaya juga ialah kerana pihak kerajaan menegaskan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid. Secara tidak langsung, kesemua mata pelajaran harus menitik beratkan arahan ini, termasuk juga dengan Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam yang selalu dikaitkan dengan pengajaran tradisional juga harus menukar cara pengajaran mereka. Maka dengan itu, gurudiberi tunjuk ajar dengan baik di IPG untuk dapat menghasilkan pengajaran yang berpusatkan murid, kolaboratif dan koperatif.

Dapatan Keseluruhan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dan pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Jasin. Selain itu, kajian turut mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

Oleh itu, dapatan kajian ini adalah bagi menjawab tiga persoalan kajian dan menguji satu hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan analisis inferensi digunakan dalam penganalisan data. Dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis deskriptif adalah untuk menjawab persoalan pertama dan kedua iaitu pasti tahap pengetahuan pembelajaran koperatif dan pelaksanaan pembelajaran koperatif. Manakala persoalan ketiga dijawab dan dijelaskan melalui analisis inferensi. Antara ujian yang dijalankan dalam analisis inferensi ialah Ujian Pekali Korelasi Pearson.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah & Masribanun Duki. (2007). Penilaian pelajar- pelajar sekolah menengah terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki*, 17(1).
- Abdul Kadir, S. (2002). *Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan perakaunan* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Abdullah Ishak. (2001). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd Rahim, Nor Safarin dan Abu Bakar, Zainuddin (2010), *Kesediaan guru pelatih SPH UTM terhadap penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad B. & Naimahko H. (2010). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan. Teori dan Konsep Asas*. Synergy Media.
- Aimi Hafizah Fadzilah (2017), *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif berasaskan abad ke-21: Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.

- Alias Baba (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ananda Kumar (2007). *SPSS untuk penyelidikan pendidikan*. Scholar Press.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S (1999). *Statistic for Social Research with computer application*. Penerbit Universiti Putra Malaysia Press.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan (Buku 1)*. Penerbit McGraw-Hill.
- Creswell, J. W. (2012). *Qualitative Inquiry and research design: Choosing among Five Approaches*. SAGE.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2009). *Kamus Dewan edisi ke-tujuh*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Efendi Zakaria (2000). "*Pembelajaran Koperatif*". Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Effandi Zakaria & Abd Razak Habib. (2006). *Kesan pembelajaran koperatif ke atas pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran matematik*. *Jurnal Teknologi*, 45(E), Dis. 2006: 43- 62.
- Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Hishamuddin Fitri Abu Hasan. (2008). Service quality and student satisfaction: A case study at private higher education institutions. *International Business Research*, 1(3), 163-175.
- Ismail A, Hasbullah K, Abu Bakar R, Othman M. H. (2007). Kesan pemindahan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan ke atas amalan komunikasi dalam sistem mentoring di institusi pengajian tinggi awam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 22, 133-160.
- Ismail, Sukreni dan Awang, Mohd Isha (2004), *Penilai Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Kasiram, Moh. (2008). *Metodologi penelitian*. UIN-Malang Pers.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), *garis panduan sekolah amanah, bahagian pengurusan sekolah harian, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Yayasan Amir & LeapEd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul kursus peningkatan profesionalisme guru Bahasa Melayu*. https://www.academia.edu/35749503/kursus_peningkatan_profesionalisme_guru_bahasa_melayu
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lulusan Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairudin Che Tak (2017). *Dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya).
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Activities Educational And Psychological Measurement*, 38, 607–610.
- LuqmannulHakim (2019), *Hubungan antara pengetahuan pengajaran koperatif guru pendidikan Islam dengan tahap pelaksanaannya*. IPGKPI.
- Mohamad Khairi Hj Othman (2015). penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18(Jun), 1-20.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fadzli Ali (2011). *Mengkaji Hubungan Di antara pembelajaran koperatif (kemahiran generik) dengan kemahiran menggunakan e-pembelajaran di kalangan pelajar yang mengambil subjek telekomunikasi dan rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yassin, M. (2010). *Kreativiti dan inovasi: Elemen merentas kurikulum* [Teks ucapan]. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dibentangkan di Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia Ke-14, Sunway Pyramid Convention Centre.
- Morad, F., & Abu, B. (2006). *Maklum balas guru pelatih SSPF UTM terhadap penggunaan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran fizik*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muniandy, Kitha dan Hee, Jee Mei (2010), *Kecenderungan pembelajaran koperatif pelajar tahun 4*. Universiti Teknologi Malaysia
- Ngasiman, N. (2014). *Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik* (Tesis sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Penerbit McGraw Hill Education.
- Othman, L. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan method*. Penerbit UPSI.

- Sharan, S. (1980). Cooperative learning in small groups: Recent methods and effects on achievement, attitudes, and ethnic relations. *Review of Educational Research*, 50(2), 241–271. <https://doi.org/10.3102/00346543050002241>
- Slavin, R. E. (2002). *Cooperative learning: Theory, research and practice*. Simon & Schuster.
- Syed Khalid Syed Idrus, & Mohd Isha Awang. (2016). Retrospektif kualiti pengajaran pensyarah berdasarkan perspektif guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Wilayah Utara Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 26–42.
- Tamuri, A. H., Yusopp A., Osman K., Awaluddin S., Abdul Rahim Z. & Abdul Razak K. (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kuikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tan, Y. H. (2007). *Kesediaan guru pelatih UTM terhadap penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam proses PdP matematik KBSM* (Tesis sarjana muda, Universiti Teknologi Malaysia).
- Tasim dan Nur Hidayah (2012), *Penguasaan, keyakinan dan persepsi guru matematik terhadap pembelajaran koperatif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Usman, N. (2002). *Konteks implementasi berbasis kurikulum*. Raja Grafindo Persada.
- Yahaya, Azizi, Ahmad Johari Sihes & Shahzalina Ghazali (2003). *Amalan pembelajaran koperatif di kalangan guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional di tiga buah sekolah teknik Di Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia
- Yahaya Jusoh. 2001. *Falsafah Sains dan Teknologi Menurut al-Quran*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.